




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 7

RABU 1 APRIL, 1964.

رابعو 18 ذالقعده 1383

PERCHUMA

PAKAR2 E. C. A. F. E. DI-JANGKA

MELAWAT NEGERI BRUNEI DALAM BULAN INI

BANDAR BRUNEL. — Sa-rombongan pakar2 dari Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (E.C.A.F.E.) di-jangka akan melawat Negeri Brunei dalam bulan ini untuk mengkaji mengenai kemungkinan negeri ini menggunakan gas sa-bagai kemia minyak petrol. Demikian kata Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, kapada sa-orang Wartawan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei pada masa beliau kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari Teheran sa-lepas menghadiri Persidangan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh yang telah di-adakan di-Teheran, mulai dari 2 Mach hingga ka-17 Mach, 1964.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah mewakili Negeri Brunei di-persidangan E.C.A.F.E. itu bersama2 dengan Pengawal Kastam dan Bea, Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Othman Chua Kwang Soon.

Penaong Palang Merah Bahagian "Junior"



Y.T.M. PENGIRAN ANAK
PUTERI MASNAH

BANDAR BRUNEL. — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah, Puteri Sulung Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, telah menerima jemputan untuk menjadi Penaong, Pasokan Palang Merah Brunei, Bahagian "Junior".

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin ialah Penaong, Pasokan Palang Merah Negeri Brunei.

Beliau2 tersebut telah berangkat ka-Teheran dengan kapal terbang dari Brunei pada 26 Februari dan telah selamat kembali ka-negeri ini pada 22 Mach.

Dalam wawanchara tersebut, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof menerangkan bahawa jika laporan2 dari pakar2 Surohan Jaya Perekonomian tersebut didapati baik, maka Negeri Brunei akan beruntung mendapat suatu kemia bagi minyak petrol di-negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof menerangkan bahawa perwakilan dari Negeri Brunei telah mengemukakan bersama dengan beberapa orang perwakilan yang lain di-persidangan tersebut, satu shor bagi penggunaan gas.

Beliau berkata lagi bahawa perkara yang penting sa-kali dalam persidangan tersebut ia-lah berkenaan dengan so'al memajukan perdagangan.

Yang Berhormat Awang Othman Chua Kwang Soon pula menerangkan bahawa Persidangan Surohan Jaya Perekonomian tersebut telah meluluskan suatu ketetapan menyeru kapada semua negara2 yang maju supaya mengendorkan sekatan2 buatan sendiri supaya barang2 dari negara2 yang sedang maju dapat masuk ka-pasaran mereka untuk memperbaiki lagi perhubungan perdagangan di-antara dua kumpulan tersebut.

Yang Berhormat Awang Othman Chua Kwang Soon menegaskan bahawa perkara tersebut akan di-kem-kan dalam Persidangan Perdagangan dan Perusahaan Pertubuhan Bangsa2 Bersatu di-Geneva.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (kiri) dan Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Y.B. Awang Othman Chua Kwang Soon (kanan) kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadiri Persidangan ECAFE di-Teheran baharu2 ini sa-bagai Wakil2 Kerajaan Brunei.

Bendera Brunei Di-Kibarkan Di-Persidangan E. C. A. F. E.

BANDAR BRUNEL. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengibarkan Bendera Negeri Brunei di-Royal Teheran Hilton Hotel, Teheran pada masa beliau dan Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Othman Chua Kwang Soon menghadiri Persidangan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh di-Teheran baharu2 ini.

Ini-lah julong2 kali Bendera Negeri Brunei di-kibarkan dalam upacara rasmi di-luar negeri oleh sa-orang ra'ayat Brunei sendiri. Demikian kata Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof kapada Pengarang akhbar ini dalam satu wawanchara dengan beliau sa-lepas beliau kembali ka-Brunei dari Teheran.



Ini-lah sa-buah gambar yang bersejarah. Dalam gambar ini kelihatan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (tengah) sedang mengibarkan Bendera Negeri Brunei dalam satu upacara rasmi di-Persidangan E.C.A.F.E. sa-lepas persidangan itu di-buka dengan rasmi oleh Shahensha Iran pada 2 Mach, 1964.

"BAHASA DAN KEBUDAYAAN BERKAITAN RAPAT DALAM PEMBANGUNAN BANGSA DAN NEGARA"

— KATA AWANG IBRAHIM MOHAMED SAID

BANDAR BRUNEI. — Bahasa dan kebudayaan ada-lah dua perkara yang ujud-nya berkaitan rapat dalam pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Bahasa dan kebudayaan harus tumbuh dan berkembang bersama arus sejarah bangsa dan negara menuju kepuncak jaya dan bahagia. Oleh kerana itu, demi kepentingan bangsa dan negara ia harus di-pelihara, di-pupok dan di-sanjong dari segi teori dan praktik. Demikian kata Setia Usaha, Badan Per-

embangan Bahasa dan Budaya, Negeri Brunei, Awang Ibrahim bin Mohamed Said.

Maka dalam hubungan ini, oleh kerana bahasa dan kebudayaan itu tadi merupakan suatu metalamat penting dalam pembangunan bangsa dan negara; ada-lah menjadi tanggung jawab sa-tiap anggota masyarakat sebagai ra'ayat yang mempunyai-nya. Tanggong jawab itu, ia-lah, mendokong, mengamalkan, menghormati dan memelihara-nya, sehingga ia benar2 dapat mewakili peribadi bangsa dan negara itu sendiri, tegas-nya.

Selanjut-nya beliau berkata bangsa yang berdaulat harus-lah mempunyai teras yang kuat dalam naluri bangsa itu. Teras itu ada-lah bahasa dan kebudayaan. Dan oleh kerana bahasa dan kebudayaan ada-lah hak dan tanggung jawab ra'ayat seluroh-nya, maka masyarakat suatu bangsa dan negara itu-lah yang harus tampil kemuka untuk mempertahankan kedaulatan bahasa dan kebudayaan-nya.

Sebagai suatu bangsa, ia harus memelihara peribadi dan teras kebangsaan-nya. Kerana itu negara kita, sebagai suatu negara, meskipun pada mata dunia sa-buah negara yang kecil, tetapi Brunei sebagai sa-buah negara, ia mempunyai dasar dan teras peribadi nya sendiri. Ia telah tumbuh dan hidup dalam arus sejarah. Maka sebagai sa-buah negara itu-lah ia harus hidup dengan memelihara teguh unsur2 peribadi-nya sendiri dengan mengutamakan teras bahasa dan kebudayaan.

Bahkan Kerajaan Negeri ini, dalam rang Perlembagaan sebagai yang di-persharkan oleh bab 82(1) telah menjadikan bahasa Melayu-lah sebagai bahasa resmi negara.

Untuk melaksanakan tujuan2 ini pehak Kerajaan telah mengadakan berbagai2 usaha, seperti yang ra'ayat negeri ini pernah menyaksikan, ia-itu dengan mengadakan MINGGU BAHASA DAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN.

Kerajaan sendiri telah menubuhkan suatu chawangan yang bertanggung jawab dalam Jabatan Pelajaran ia-itu Bahagian Bahasa dan Pustaka. Melalui bahagian ini-lah perkembangan2 mengenai bahasa kebangsaan di-salurkan kepada negeri ini. Kelas2 dewasa dan memberantas buta huruf

telah di-buka dan di-jalankan dengan jaya-nya di-negeri ini.

Oleh kerana memandang ke-hendak2 dan keadaan suasana yang terus berubah, maka pehak Bahagian Bahasa dan Pustaka telah menyedari bahawa pembangunan bahasa dan kebudayaan negeri ini, tidak-lah dapat di-majukan dengan usaha satu pehak ia-itu bahagian ini sahaja; malah ia harus mendapat dokerangan dan kerjasama dari pehak umum — tegas-nya masyarakat negeri ini, terutama dari kalangan mereka yang menchintai dan meminati bahasa dan kebudayaan.

Untuk menjalankan maksud ini, maka Bahagian Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan suatu cabang yang dinamakan "BADAN PERKEMBANGAN BAHASA DAN BUDAYA". Badan ini merupakan suatu cabang yang bertanggung jawab dalam hal2 kemajuan bahasa dan kebudayaan negeri ini. Ia-nya akan di-anggotai oleh sesiapa sahaja dari peminat2 bahasa dan budaya

negeri ini untuk menjadi ahli-nya.

Ahli2 yang di-terima menjadi anggota dalam Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya ini akan melaksanakan tugas sechara sukarela, sebagai ahli dalam sebuah persatuan. Syarat2 penerimaan ahli dan lain2 hal yang berhubungan dengan ini boleh dapat di-minta penjelasan-nya daripada Setia Usaha Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, d/a Pejabat Bahasa & Pustaka, Brunei.

Tegas-nya, di-bawah anjoran Badan ini, ia akan merupakan suatu pusat yang akan menyelenggarakan perkara2 yang berhubungan dengan bahasa dan budaya, seperti Majlis2 perbathahan, perbincangan, peraduan karang mengarang, cheramah2, pembacaan atau deklamasi sajak2, sandiwara, pemantasan drama dan juga penyelidikan perkara2 yang berhubungan dengan kebudayaan.

Badan ini selain dari berpusat di-Bandar Brunei, ia-nya akan mempunyai chawangan di-daerah2 lain yang mempunyai ahli terbanyak memasoki-nya.

Negeri Brunei Hadiah \$15,000 Kapada Maktab R. P. E. A.

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei telah berseutu memberikan sumbangan wang sa-banyak \$15,000 wang Malaysia untuk Maktab Ranchangan dan Perkembangan Ekonomi Asia, di-Bangkok, Thailand.

Berita tersebut telah di-terangkan oleh Wakil2 Negeri Brunei yang menghadiri Persidangan E.C.A.F.E. di-Teheran baharu2 ini, ia-itu Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Othman Chua Kwang Soon.

Berhubung dengan perkara tersebut, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof berkata ada-lah di-harapkan bahawa Negeri Brunei akan dapat menghantarkan Pegawai2 yang berkelayakan ka-Maktab tersebut pada masa hadapan kelak.

PEPEREKSaan PERGURUAN MENAIP

BANDAR BRUNEI. — Kesemua enam orang Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah memasoki Peperiksaan Perguruan Menaip di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaysia) telah lulus dalam peperiksaan itu.

Peperiksaan tersebut telah diadakan di-Singapura dalam bulan Disember 1963.

Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut ada-lah seperti berikut:

Awang Abdul Halim bin Jamal, Haji Awang Ahmad bin Mohamed Tahir, Awang Ibrahim bin Mohamed Tinggal, Awang Raden Mas Ismail Awang, Awang Abdullah bin Mohamed Tahir dan Awang Abdul Rahim bin Mat Walli.



Empat orang Wakil2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadiri Perhimpunan Guru2 Sa-Dunia bagi Kawasan Asia di-Bangkok, Thailand. Perhimpunan itu telah diadakan dari 16 Februari hingga 22 Februari. Beliau2 itu ia-lah (dari kanan ka-kiri): Awang Noordin bin Abdul Latif, Awang Umar bin Muhammad, Awang Kifli bin Bujang dan Awang Shahbudin bin Saleh.

PEPEREKSaan TRENGKAS

BANDAR BRUNEI.—Chalun2 yang telah lulus dalam Peperiksaan Trengkas yang telah di-adakan di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaysia) dalam bulan Disember 1963 ada-lah seperti berikut:

Peperiksaan Trengkas Peringkat Tertinggi (Di-adakan di-Singapura): Awang Abdullah bin Mohamed Tahir (110 perkataan sa-minit) dan Awang Ibrahim bin Mohamed Tinggal (110 perkataan sa-minit).

Peperiksaan Trengkas Peringkat Tertinggi (Di-adakan di-Kuala Lumpur): Awang Abdullah bin Mohamed Tahir (120 perkataan sa-minit), Awang Raden Mas Ismail Awang (120 perkataan sa-minit), Awang Abdul Rahim bin Mat Walli (120 perkataan sa-minit) dan Awang Ibrahim bin Mohamed Tinggal (120 perkataan sa-minit).

Peperiksaan Perguruan Trengkas (Di-adakan di-Singapura):

Awang Abdullah bin Mohamed Tahir, Awang Raden Mas Ismail Awang, Awang Ibrahim bin Mohamed Tinggal dan Awang Abdul Rahim bin Mat Walli.

Persatuan Kriket Negeri Brunei

SERIA. — Mashuarat Agong Persatuan Kriket Negeri Brunei akan di-adakan di-dewan Shell Recreation Club, Seria pada hari Juma'at 3 April, 1964.

Berbagai2 perkara yang mustahak berkenaan dengan Persatuan Kriket Negeri Brunei akan di-rundingkan dalam mashuarat tersebut.

KAUM IBU TANI DARI TEMBURONG MELAWAT PUSAT TANAM2AN KILANAS

KILANAS. — Satu rombongan seramai 10 orang kaum ibu tani yang terdiri dari 7 orang Melayu dan 3 orang Murut dari Daerah Temburong telah mengadakan lawatan sambil memerhati ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an dan ternakan di-Kilanas dan Jerudong, pada 26 Mach yang lalu.

Dalam siri lawatan mereka, selain dari di-bawa melawat di-pusat2 tersebut, mereka juga telah di-bawa melawat ka-tempat Perusahaan Tanaman Orang2 Kampong di-Kulapis atas nasehat Jabatan Pertanian Negara.

Di-samping itu mereka telah juga di-beri penerangan tentang

chara2 berusaha dan memelihara tanam2an serta ternakan oleh Pembantu Pertanian Kanan, Awang Agne dan Pegawai Pembantu Pertanian, Awang Ahmad bin Haji Bayan.

Ketua rombongan kaum ibu itu, Dayang Katon binti Ladi menyatakan, rombongan-nya merasa beruntung atas lawatan mereka yang berharga itu dan berazam akan menchurahkan kapada kaum ibu di-Daerah-nya dari apa yang mereka dapati sepanjang lawatan itu.

Ketika di-tanya, Dayang Katon menjelaskan bahawa kaum ibu ada-lah tidak kurang penting-nya dari kaum lelaki untuk mengambil peranan di-negeri ini.

Untuk menuju ka-arrah yang murni itu, beliau menyatakan niat-nya hendak mengadakan Perkumpulan Kaum Ibu Tani di-Daerah Temburong untuk turut giat bergerak dalam lapangan pertanian.

BERLATEH DI-ENGLAND

BERAKAS. — Awang Kamaludin bin P.H.A. Bakar, Ketua Jurugambar di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei telah berangkat ka-England dengan kapal terbang pada petang hari Sabtu 21 Mach yang lalu untuk menghadhir kursus latehan penggambaran di-Pusat Filem dan Television Saberang Laut di-London, sa-lama satu tahun.

Awang Kamaludin telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-lama 10 tahun. Ia mulai bekerja sa-bagai sa-orang kerani.

Awang Kamaludin telah berlateh dalam jurusan penggambaran di-Malaya atas perbelanjaan Kerajaan Brunei pada masa ia berkhidmat sa-bagai sa-orang jurugambar.

Ramai keluarga serta sahabat handai Awang Kamaludin telah mengucapkan "Selamat berangkat ka-England dan selamat kembali ka-Tanah Ayer" kapada Awang Kamaludin di-bangunan Lapangan Terbang Brunei pada masa ia mengucapkan "Selamat tinggal" sa-belum menaiki kapal terbang menuju ka-Singapura dalam perjalanan ka-England pada petang hari tersebut.



Gambar ini di-ambil di-Pusat Perchubaaan Tanam2an Kilanas pada masa lawatan 10 orang kaum ibu tani dari Daerah Temburong pada 26 Mach yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan para pelawat itu bergambar dengan beberapa orang Pegawai2 dari Jabatan Pertanian Brunei dan lain2-nya.

MAJLIS PEMBEBASAN BEKAS ORANG2 TAHANAN

BUNUT. — Satu majlis mengangkat sumpah dan pembebasan 40 orang yang telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Bunut telah di-adakan di-Pusat Pemulehan Bunut pada petang hari Juma'at 27 Mach yang lalu.

Satu ucapan dan nasehat yang berfaedah telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Awang Abidin bin Abdul Rashid, sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Negeri Brunei.

Bekas orang2 tahanan itu telah menghadhiri kursus pemulehan tersebut sa-lama 10 hari. Mereka telah balek ka-rumah masing2

pada pagi hari Sabtu 28 Mach. Maka dengan pembebasan bekas orang2 tahanan tersebut, seramai 1,270 orang yang telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Bunut telah di-bebaskan.

Brunei Akan Menjadi Anggota O.P.E.C. Sakira-nya

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata dalam satu wawanchara dengan Pengarang akhbar ini sa-telah beliau kembali ka-Brunei dari Teheran baharu2 ini bahawa akhbar2 di-Teheran telah memberikan laporan lengkap mengenai Persidangan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh yang telah di-langsungkan di-Teheran mulai dari 2 Mach hingga ka 17 Mach.

Bagaimana pun, tegas beliau, sa-buah akhbar telah tersilap melaporkan ia-itu beliau di-katakan berkata bahawa Negeri Brunei sedang menchari jalan untuk menjadi anggota Pertubohan Negara2 Pengeluar Minyak, rengkas-nya O.P.E.C.

Beliau menerangkan bahawa apa yang beliau sa-benar-nya memberitahu kapada wartawan tersebut ia-lah, "Negeri Brunei ha-nya akan menjadi anggota O.P.E.C. jika ke-anggotaan-nya itu akan memberikan faedah kapada Negeri Brunei."

Sharikat Minyak Hadiah Alat2 Pembesar Suara Kapada Masjid

BANDAR BRUNEI. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menghadihkan alat2 pembesar suara kapada dua buah Masjid2 dalam Negeri Brunei baharu2 ini.

Masjid2 itu ia-lah Masjid Kampong Bokok di-Daerah Temburong dan Masjid Kampong Lumapas di-Daerah Brunei.

Alat2 pembesar suara tersebut telah di-sampaikan bagi pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad oleh Wakil Sharikat Minyak itu di-Bandar

Brunei, Awang P.A. Coates, kapada Masjid2 yang berkenaan itu.

Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam telah melafadzkan ucapan di-Majlis menyampaikan hadiah alat2 pembesar suara kapada Masjid Kampong Bokok bagi pehak Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, manakala Pema-ngku Kadhi Besar Negeri Brunei, Abang Razali bin Haji Zainuddin pula telah berucap di-majlis menyampaikan alat2 pembesar suara kapada Masjid Kampong Lumapas bagi pehak Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei.

WAKTU SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1 April hingga ka-hari Selasa 14 April, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dsohor	Asar	Maghrib	Isha
1	4.53	5.08	12.30	3.45	6.33	7.45
2	4.52	5.07	12.30	2.45	6.33	7.45
3	4.52	5.07	12.30	3.45	6.33	7.45
4	4.52	5.07	12.30	3.45	6.33	7.45
5	4.51	5.06	12.29	3.44	6.33	7.45
6	4.51	5.06	12.29	3.44	6.33	7.45
7	4.50	5.05	12.29	3.44	6.33	7.45
8	4.50	5.05	12.28	3.43	6.32	7.44
9	4.50	5.05	12.28	3.43	6.32	7.44
10	4.49	5.04	12.28	3.43	6.32	7.44
11	4.49	5.04	12.28	3.43	6.32	7.44
12	4.49	5.04	12.28	3.43	6.32	7.44
13	4.48	5.03	12.27	3.42	6.32	7.44
14	4.47	5.02	12.27	3.42	6.32	7.44

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Para hadhirin di-majlis menyampaikan hadiah alat2 pembesar suara oleh Sharikat Minyak Shell kapada Masjid Lumapas sa-lepas di-adakan upacara tersebut.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu V:

ORANG-ORANG MELAYU SA-RUMPUN

SA-BAGAIMANA yang saya katakan belum lama dahulu bahawa kebudayaan kita di-Brunei ini sa-dikit benar menerima pengaruh. Dari berbagai jurusan maseh banyak keaslian-nya. Saya juga telah mendudukkan kebudayaan kita atas tiga peringkat, ia-itu — asli, keagamaan, dan moden.

Sa-lain dari itu kita juga telah bersama2 mengikuti asal bangsa dan kebudayaan kita sa-takad berasal dari Minangkabau.

Untuk menyebut satu demi satu tentang peringkat2 kedudukan kebudayaan kita di-Brunei ini, agak teragu2 rasa-nya untuk menerima kesimpulan-nya andai-nya kajian hanya sa-takad itu.

Bagi mengendorkan keraguan itu biar-lah kita teruskan kajian kita lebeh jauh ka-belakang.

Menurut apa yang telah di-chapai oleh ahli2 ilmu purbakala (archaeologists) dari siasatan2 mereka baharu2 ini dapat lagi kita bertegas bahawa pendudok2 di-wilayah2 Malaya, Sarawak, Brunei, Sabah dan Singapura ada mempunyai hubungan yang kukuh beribu2 tahun yang lampau.

Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo kedua-nya telah di-pengaruhi apa yang di-gelar kebudayaan Hoabinhian yang telah berkembang antara tahun 800 B.C. (tarikh sa-belum Nabi 'Isa) dan tahun 2000 B.C. ia-itu di-zaman ma'anusia maseh menggunakan perkakas sa-akan2 bentuk kapak yang di-perbuat dari pechahan batu besar. Untuk perlindungan mereka menchari dan diam di-gura2.

BERCHUCHOK TANAM

Hoabinh (Hoa Binh) ia-lah sa-buah tempat di-Vietnam. Dari sini-lah (dan dari satu penyiasatan terawal dari itu Bangsa Melayu berasal dari Cochinchina, juga di-Vietnam) berasal-nya bangsa kita Melayu yang mula2 menduduki Kepulauan Tanah Melayu dan Madagaskar.

Ma'anusia dalam zaman batu yang terakhir (zaman neolithic) di-Asia Tenggara ada-lah menggunakan kapak batu yang ditajam, dan ini bermula dari tahun 500 B.C.

Orang2 yang menggunakan senjata demikian telah di-perchayai melakukan berchuchok tanam di-tempat2 tanah tinggi — bertanam padi — dan berbagai jenis keladi — dan menggunakan perkakas2 di-perbuat dari tanah. Tetapi nampak2-nya penggunaan kapak empat-segi itu berasal dari Utara China dan kemudian-nya melebar hingga ka-Timor negeri itu.

Dari Negeri China Timor ini-lah bangsa2 yang menggunakan kapak tersebut mengembara ka-Borneo Utara, dan sa-bahagian daripada-nya ka-Indo-China dimana mereka itu telah berchampur dengan satu puak ma'anusia

yang menggunakan sa-jenis kapak yang mempunyai batang atau tempat pemegang.

Dari China Timor ini-lah juga mereka mengembara ka-Selatan dan terus ka-Malaya. Orang2 ini-lah yang di-katakan Melayu Asli.

Menurut siasatan ahli bangsa2, bangsa Melayu berasal dari Cochinchina dan Kemboja kerana asal bahasa-nya (Bahasa Annam) sa-rumpun dan banyak lagi keterangan2 yang menunjokkan bekas2 bangsa Melayu ada di-tempat2 itu.

Warna kulit bangsa ini perang (hitam manis—brown), dan kadang2 ada juga berwarna kuning langsat atau puteh kuning, kata kita di-sini.

OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

Rambut-nya kasar hitam dan ada juga ikal atau keretang. Laki2-nya tidak berjambang dan dada-nya tidak berbulu. Bentuk tubuh-nya rendah dan kecil sedikit dari bangsa Eropah.

Bangsa Melayu ada-lah pendiam—segala yang di-rasa dalam hati-nya, sama ada suka atau duka tidak lekas nampak. Jika melihat sa-suatu yang menyukakan mereka tidak lekas gembira. Mereka menerima-nya dengan tenang saja.

Bagi bangsa2 lain terutama bangsa2 Barat memang susah hendak mengatakan apa yang sabenar yang ada terasa dalam hati sa-saorang bangsa Melayu.

SUKU2 MELAYU

Suku2 Melayu ada-lah terbahagi kepada beberapa chabang menurut tempat2 yang di-duduki mereka saperti di-pulau2 Sumatera, Jawa, Bali dan Lombok, Sulawesi, dan di-Pulau Kalimantan.

Telah beratus2 tahun bangsa Melayu ada-lah beragama Islam. Tetapi ada beberapa banyak lagi suku2 bangsa Melayu yang maseh belum memelok sa-barang ugama, saperti puak2 Jakun dan Sakai di-Tanah Melayu, Punan dan Murut di-negeri kita di-Brunei.

Kedatangan Islam ka-Asia Tenggara ada-lah satu2-nya menandakan permulaan perkembangan kebudayaan baharu di-kawasan2 ini dalam abad yang ke-14.



Salah satu ukiran yang menjadi kegemaran orang2 di-Brunei sejak beratus2 tahun dahulu.

Sa-lain dari kebudayaan ke-ugamaan (keislaman) yang datang, juga kebudayaan2 bangsa yang membawa faham baharu itu datang bersama2 tersebar.

Menurut Brian Harrison, sa-orang mahaguru di-University Hongkong yang dulu-nya pen-sarah tawarikh di-University

mula berkuasa di-Melaka.

Di-Brunei, Islam mula berakar sejak dalam pemerentahan Sultan Mohammad, sultan yang pertama bagi Negeri Brunei dalam abad yang ke-14.

Di-waktu itu pula orang2 yang mendiami Negeri Brunei telah ada dengan kebudayaan-nya yang di-bawa dan di-warisi dari Minangkabau.

Jadi, antara ketiga2 peringkat kebudayaan yang saya akan per-katakan nanti sudah tentu-lah ada mempunyai hubungan satu dengan yang lain.

Dalam istiadat perkahwinan sahaja umpama-nya sudah tentu ada di-dalam-nya kebudayaan2 tersebut; mithal-nya dalam 'akad nikah—keagamaan, dan dalam istiadat bersanding terdapat kebudayaan keaslian dan moden.

(Bersambung)

Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Brunei

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk melafadzkan sharahan2 berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan Badan Penerangan Ugama Islam sa-bagai mana yang telah di-tetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari Juma'at 3 April: Mulai dari pukul 10.30 pagi hingga kapukul 12.30 tengah hari di-Masjid Birau, Tutong dan mulai dari pukul 2 petang hingga kapukul 4 petang di-Kampung Sungai Pandan "A".

Hari Juma'at 10 April: Mulai dari pukul 10.30 pagi hingga kapukul 12.30 tengah hari di-Masjid Sungai Liang dan mulai dari pu-

kol 2 petang hingga kapukul 4 petang di-Kampung Pemancha Lama.

Hari Juma'at 17 April: Mulai dari pukul 10.30 pagi hingga kapukul 12.30 tengah hari di-Masjid Pekan Bangar, Temburong dan mulai dari pukul 2 petang hingga kapukul 4 petang di-Kampung Lorong Dalam, Brunei.

Hari Juma'at 24 April: Mulai dari pukul 10.30 pagi hingga kapukul 12.30 tengah hari di-Masjid Kuala Balai, Ulu Belait dan mulai dari pukul 10.30 pagi hingga kapukul 12.30 tengah hari juga di-Masjid Danau, Tutong.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput ka-tempat2 tersebut pada masa dan tarikh yang berkenaan untuk mendengarkan sharahan2 mengenai Ugama Islam yang Maha Suci.

Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei Melawat Temburong

PEKAN BANGAR. — Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei telah melangsungkan lawatan-nya ka-Temburong pada 21 Mach dengan menaiki empat buah moto sangkut. Mereka telah di-alu-alukan oleh ahli2 Klab Temburong sa-tiba-nya di-Pekan Bangar.

Sa-jurus sa-lepas itu mereka telah di-jemput berehat di-rumah Klab Temburong di-mana mereka telah di-layan dengan jamuan minum pagi.

Dengan di-temani oleh ahli2 Klab Temburong, ahli2 rombongan dari Brunei kemudian telah meletakkan kalongan bunga di-Tugu Peringatan bagi pegawai2 kerajaan yang terkorban dalam masa berlaku-nya penderhakaan dalam bulan Disember, 1962. Ini ada-lah sa-bagai tanda penghormatan kepada mangsa2 yang maling itu dari Persatuan Belia Bandar Brunei.

Sa-lepas melihat2 dan melawat ka-tempat2 yang menarek di-sekitar Pekan Bangar, pelawat2 itu telah di-raikan sa-kali lagi oleh Klab Temburong dengan jamuan makan tengah hari.

Dalam ucapan-nya sa-bagai mengalu2kan pelawat2 tersebut, Awang Harris bin Judin, seorang pegawai dari Klab Temburong berkata bahawa klab-nya berasa sukachita dapat berjumpa dengan ahli2 P.B.B.B. dan berharap akan berpeluang melihat2 keadaan di-



Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei bergambar ramai di-Pekan Bangar bersama2 dengan ahli2 Klab Temburong untuk kenang2an sa-masa lawatan ahli2 persatuan itu ka-sana pada 21 Mach, 1964.

Yang Dipertua P.B.B.B. Awang Yahya Yusof da'am menjawab ucapan, berkata bahawa sambutan yang di-berikan kepada persatuan-nya adalah sunggoh2 tidak di-sangka2. Persatuan itu kata-

nya sangat2 terhutang budi dan sudah tentu-lah budi baik dan kemesraan yang di-tunjokkan oleh ahli2 Klab Temburong itu akan sentiasa menjadi ingatan baik bagi sa-tiap ahli P.B.B.B. tegas beliau.

P. B. B. B. ANJORKAN LARI MERENTAS DESA TAHUNAN

BANDAR BRUNEL. — Persatuan Belia Bandar Brunei telah mengambil keputusan akan menganjorkan lomba lari merentas desa (cross-country-race) sa-bagai acara tahunan, dan akan mengadakan-nya dalam bulan depan.

Keputusan ini telah diambil dalam satu mashuarat bulanan jawatan kuasa tadbir bulan lepas.

Persatuan itu telah bersetuju bahawa perlumbaan yang terbuka kepada orang ramai di-negeri ini, akan di-adakan buat pertama kali pada 12 Mei akan datang, bersamaan dengan 1 Muharram, tahun Islam.

Perlumbaan itu di-bahagi kepada lima bahagian:

- (a) kanak2 — berumur 15 tahun ka-atas,
- (b) pemuda — berumur antara 15 dan 35 tahun,
- (c) orang tua — berumur 35 tahun ka-atas,
- (d) pasukan — enam orang sa-pasukan, dan
- (e) bahagian wanita.

Hadih2 dan sijil akan di-berikan kepada pemenang2 pertama, kedua dan ketiga bagi tiap2 bahagian, dan sijil kepada peserta2 yang berjaya menghabiskan perlumbaan itu dengan sempurna.

Para dermawan yang bermurah hati akan mendermakan hadih2 ada-lah di-alu2kan oleh Persatuan Belia Bandar Brunei, dan hubungan boleh-lah di-buat sama ada kepada Yang Dipertua (Awang Yahya bin Yusof) di-Jabatan Imigresen, atau kepada Naib Yang Dipertua (Pengiran Haji Puteh) di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, kedua2nya di-Bandar Brunei.

Penerangan2 lanjut juga boleh di-dapat dari pegawai2 di-atas atau dari pegawai2 lain-nya persatuan itu.

Satelah itu rombongan para pelawat tersebut-pun di-bawa muduk dengan moto2 sangkut khas — temuai, untuk melihat2 keadaan di-ulu sungai dan kelompok2 batu karang dan ayer deras.

Awang Mat Noor Mac'Affe President Klab Temburong berkata bahawa lawatan ka-Temburong yang di-buat oleh persatuan itu ada-lah julong2 kali di-buat oleh sa-barang persatuan dari luar daerah itu.

Tunaikan Fardhu Haji

BANDAR BRUNEL. — Seramai 15 orang dari Brunei akan berangkat dengan kapal terbang ka-Jeddah dalam bulan ini untuk menunaikan fardhu Haji.

Beliau2 itu ada-lah mengandungi 4 orang yang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei dan 11 orang yang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan sendiri.

Orang2 yang akan menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei ia-lah Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pengiran Apong bin Pengiran Saifuddin, Pengiran Matussin bin Pengiran Piut dan Awang Ali Khan bin Abdul Khan.

Menurut jadual penerbangan yang telah di-tetapkan, 12 orang termasuk beliau2 tersebut akan berangkat dari Brunei ka-Singapura pada hari Khamis 2 April, manakala 3 orang lagi akan berangkat dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Juma'at 3 April.

Semua-nya itu akan berangkat dari Kuala Lumpur ka-Jeddah dengan kapal terbang pada hari Selasa 7 April dan berangkat balek dari Jeddah ka-Kuala Lumpur pada 2 Mei setelah menunaikan fardhu Haji.

JANGAN MENGUBOR DI-MAKAM S.B.

BANDAR BRUNEL. — Penduduk2 di-Negeri Brunei ada-lah di-ma'alomkan bahawa mereka tidak-lah lagi di-benarkan mengebumikan mayat atau menempatkan kuboran2 baru di-keliling kawasan Makam Sultan Bolkihah.

Perkara tersebut ia-lah untuk menjaga dan memelihara keadaan purba Makam Sultan Bolkihah yang bersejarah itu supaya Makam itu tidak menjadi terganggu sa-bagai mana asal-nya. Demikian menurut Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei yang telah di-terbitkan baharu2 ini.

BINATANG DERHAKA "DI-DENDA"



BINATANG ini (atas) jarang2 benar di-jumpa orang dan untuk menangkap-nya pun tidak-lah begitu mudah. Di-panggil orang "raja kedurau" atau raja tikus.

Bentuk badan-nya sa-akan2 sa-ekor tikus; hanya bulu-nya yang panjang itu berwarna puteh melepak dan jauh lebih besar dari tikus (panjang-nya kira2 11 inchi dan tinggi-nya dalam 5 inchi). Dari tempat yang agak jauh sedikit kelihatan sa-olah2 sa-ekor landak.

Menurut orang tua2 kita, konon-nya binatang ini dahulu-nya ia-lah raja segala tikus.

Apakala tikus2 mendapati bahawa kedurau itu bilut dan hi-nat maka ia pun di-pulau dan di-singkirkan oleh mereka.

Sa-bagai denda dan balasan atas penghinaan itu maka semua tikus2 telah membuangi-nya ayer kehil. Hingga sekarang-lah bau kencing itu masch melekat di-tuboh binatang kedurau — bekas raja tikus itu!

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini dalam Pejabat Hal-Ehwal Ugama, Brunei:—

(a) KHATIB:

(1 jawatan kosong di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Brunei).

Gaji: Dalam scale U.3 (II) (I)—\$200x10-400 sa-bulan.

(b) IMAM:

(1 jawatan kosong di-Masjid Kampong Keriam Tutong).

Gaji: Dalam scale U.4 (III)—\$240x10-340 sa-bulan.

Sharat2 untuk memohon jawatan2 yang tersebut di-atas ia-lah seperti berikut:—

i) Umor di-antara 25 tahun hingga 50 tahun.

ii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan hukum2 Islam.

iii) Satu peperiksaan mengenai pengetahuan hal-ehwal ugama Islam akan di-adakan.

iv) Untuk Khatib Masjid Omar Ali Saifuddin, Pegawai2 Masjid Omar Ali Saifuddin adalah lebih di-utamakan.

v) Untuk Imam Masjid Kampong Keriam, penduduk2 Kampong Keriam ada-lah lebih di-utamakan.

JURU SALIN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Juru Salin di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah orang Tiong Hua dan telah lulus peperiksaan "Chinese Senior Middle Three."

Gaji: Dalam sukatan gaji \$190x7-211-220x10-260-290 x 20-370-380x20-520 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan rayaat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrak selama tiga tahun termasuk-lah enam bulan masa percuti. Chalun yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap, setelah menamatkan masa percuti selama tiga tahun.

Baksis:

Chalun yang di-lantek sechura berkontrek akan di-bayar baksis sa-banyak 12½% dari gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 April, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-

PEGAWAI PENGAWAL HAJI DAN FARDZU KEPAYAH

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini dalam Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

(a) Pegawai Pengawal Haji:

(1 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun.

(ii) Mesti berkelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris atau sabanding-nya.

(iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang berputatan.

(iv) Pengalaman bekerja dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun.

(v) Boleh menaip secepat 25 perkataan sa-minit.

Tugas2:

(i) Mengawal hal ehwal perjalanan Haji.

(ii) Menyediakan pass-pass Haji, menguruskan perjalanan jemaah Haji Brunei, ka-Brunei.

(iii) Menguruskan segala hal yang berhubungan dengan kebajikan perjalanan Haji.

noli di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Penguat Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 11 April, 1964.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$350-370-380x20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

(b) Fardzu Kepeyah Perempuan: (1 jawatan kosong)

(i) Umor di-antara 20 tahun hingga 50 tahun.

(ii) Mesti-lah mengetahui mengenai hal-ehwal Ugama Islam dan Rukun2 Islam.

(iii) Satu peperiksaan sa-chara so'al-an mulut akan di-adakan.

(iv) Pemohon2 mesti-lah bersedia di-tempatkan dimana2 daerah di-dalam Negeri Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183 x7-211-220x10-260-280-290-300 sa-bulan.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Penguat Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 11 April, 1964.

PENYELENGGARA SETOR

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.1-2-3 \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangkan:—

(a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 3 tahun dalam kerja setor.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu

bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 April, 1964.

PEGAWAI PENAKSIR RUMAH

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Penaksir Rumah di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kira-mengira mengenai nilaiian chukai rumah yang dikenakan oleh Jabatan Bandaran.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-750 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan rayaat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrak selama tiga tahun termasuk-lah enam bulan masa percuti. Chalun yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap, setelah menamatkan masa percuti selama tiga tahun.

Baksis:

Chalun yang di-lantek sechura berkontrek akan di-bayar baksis sa-banyak 12½% dari gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 April, 1964.

AYER, AYER, AYER.



SENKATA OLEH AHMAD ARSHAD
LUKISAN OLEH SALLEH IBRAHIM

PERLUMBAAN BASIKAL SELUROH BRUNEI

SERIA.—Perlumbaan basikal terbuka kepada pelumba2 basikal lelaki dan wanita di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-kawasan Sokan Seria sa-lama dua hari dalam bulan ini. Perlumbaan basikal itu akan di-adakan di-bawah anjoran Kelab Belia Seria pada hari Ahad 12 April dan pada hari Ahad 19 April.

Jarak perlumbaan tersebut ialah :

Kelas "A": Sa-jauh kira2 2½ batu, ia-itu 10 kali pusing keliling Kawasan Sokan Seria.
Kelas "B": Sa-jauh kira2 1½ batu, ia-itu 6 kali pusing keliling Kawasan Sokan Seria.

Ini-lah kali yang ke-dua persatuan tersebut menganjorkan perlumbaan basikal di-Kawasan Sokan Seria. Perlumbaan basikal itu telah di-adakan pada pertama kali dalam tahun 1961.

Orang2 yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan terbuka kepada pelumba2 lelaki, hendaklah berumur di-antara 15 tahun dan 40 tahun, manakala pelumba2 basikal dari kalangan wanita yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut hendaklah berumur di-antara 15 tahun dan 30 tahun.

Perlumbaan basikal tersebut ada-lah di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu seperti di-bawah ini :

Kelas "A": Terbuka kepada pelumba2 lelaki. Mereka hendaklah menggunakan basikal biasa atau pun basikal jenis "sports", sama-ada mereka menggunakan "speed gear" atau tidak.

Kelas "B": Terbuka kepada pelumba2 wanita. Mereka hendaklah menggunakan basikal2 biasa atau pun basikal2 jenis "sports", sama-ada mereka menggunakan "speed gear" atau tidak.

Kelas "C": Perlumbaan Khas. Pelumba di-benarkan menggunakan sa-batang jenis basikal lumba yang ada "speed gear."

Bayaran masuk berlumba ia-lah \$1 sa-saorang.

Pelumba2 basikal di-seluruh Negeri Brunei yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal tersebut dipersilakan menghantarkan nama2 mereka dengan seberapa segera kepada Pengelola, Perlumbaan Basikal, Kelab Belia Seria, Peti Surat 161, Seria.

Perlumbaan Merentas Desa Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II

BANDAR BRUNEI. — Seramai 132 orang murid2 lelaki dari 15 buah Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei Dua telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Merentas Desa yang telah di-adakan di-Bandar Brunei sa-jauh kira2 tiga batu pada petang 28 Mach.

Hadiah2 kepada pemenang2 peraduan itu telah di-sampaikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua, Awang Yusof Tahir.

PERTANDINGAN TINJU

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Tinju di-antara ahli2 tinju dari Sabah dengan ahli2 tinju dari Negeri Brunei akan di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 18 April, 1964 mulai dari pukul 8 malam di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Sementara itu Persatuan Tinju Negeri Brunei telah memilih seramai 15 orang pemuda2 yang handal dalam permainan tinju untuk berlath sa-belum di-adakan pertandingan tinju tersebut.

Enam orang dari ahli2 tinju tersebut ia-lah dari Daerah Brunei, manakala sembilan orang lagi ia-lah dari Daerah Belait.

Mereka ia-lah seperti di-bawah ini :

Dari Bandar Brunei: Ahmad Tudin, Awangku Kamaludin bin Pengiran Besar, Walter Boyd, Momin Idris, Jaya Othman dan Yahya.

Dari Daerah Belait: Onn Timbang, Mulee Beriak, Abdillah Zakiah, Malai Muhammad, Arturo Azcona, Ronnie Gummar, Junit Ismail, Abit Ambun dan Clement Lungga.

Sa-bilangan dari ahli2 tinju tersebut akan di-pilih mewakili Negeri Brunei dalam pertandingan tinju dengan ahli2 tinju dari Sabah.

Ahli2 tinju tersebut kini giat berlath dengan bersungguh2 pada sa-tiap hari dengan harapan bahawa mereka yang "gagah" akan di-pilih mewakili negeri ini dalam pertandingan tinju itu.

Keputusan2 perlumbaan merentas desa itu ada-lah seperti berikut :

Perlumbaan persa-orangan Pasokan "A": Johan — Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Bunut. Masa-nya ia-lah 21 minit 51.3 sa.at. Naib Johan — Taharjit bin Paman dari Sekolah Melayu Sengkurong dan Pemenang Ketiga — Lingkok Ahad dari Sekolah Melayu Sengkurong juga.

Perlumbaan persa-orangan Pasokan "B": Johan — Awangku Ahmad bin Pengiran Metarsad dari Sekolah Melayu Delima Satu. Masa-nya ia-lah 23 minit 54.9 sa.at. Naib Johan — Awangku Mohamed bin Pengiran Metarsad dari Sekolah Melayu Delima Satu dan Pemenang Ketiga — Awang Dayang bin Mohamed Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Perlumbaan antara pasokan2. Pasokan "B": Johan — Sekolah Melayu Sungai Hanching. Naib Johan — Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas dan Pemenang Ketiga — Sekolah Melayu Angerek Desa.

Pasokan2 yang berjaya dalam Perlumbaan Merentas Desa antara Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei Dua akan mewakili Bahagian Brunei Dua dalam Perlumbaan Merentas Desa Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 11 April akan datang.

JADUAL PERLAWANAN BOLA SEPAK JABATAN2 KERAJAAN

BAHAGIAN "A"

Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
1 April	Pulis melawan Pentadbiran		
2 April	Jabatan Kerajaan	P. H. M. Puteh	Jabatan Ugama
	Tutong melawan Jabatan Kerja Raya		
8 April	Radio melawan Pulis	A. Hussin	Pentadbiran
9 April	Jabatan Ugama melawan Jabatan Pelajaran	Frankie Ho	Pelajaran
		Sgt. M Englemen	Radio

BAHAGIAN "B"

Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
4 April	Pulis melawan Kastam	A. Zaidi Taha	Radio
6 April	Jabatan Pelajaran melawan Jabatan Pertanian		
7 April	Telepos melawan Jabatan Ukur	Insp. Abu Zar	Kastam
11 April	Jabatan Perubatan melawan Kastam	A. Sharibini Taha	Jabatan Perubatan
13 April	Pulis melawan Jabatan Pelajaran	A. P. Karim	Telepos
14 April	Radio melawan Jabatan Istana	Ibrahim Yahya	Radio
		Insp. Abu Zar	Pulis

Perlawanan2 bola sepak tersebut di-adakan di-Padang Bandar Brunei mulai pada pukul 5 petang hari yang berkenaan.

Perlawanan2 tersebut telah di-mulai pada 11 Mach, 1964 dan di-jangka akan tamat pada 9 Jun, 1964.

Jadual perlawanan2 mulai dari 15 April hingga ka-penghujung bulan ini akan di-siarkan dalam Pelita Brunei pada 15 April, 1964.



Persatuan Asterawani telah mengadakan satu majlis menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 Peraduan Cherpen Asterawani bertempat di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah baharu2 ini. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut. Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil yang juga menjadi Penasihat Persatuan Asterawani duduk nombor 10 dari kiri.

PERLUMBAAN PERAHU-PERAHU LAYAR

KUALA BELAIT.—Klub Perahu Layar Jesselton telah memenangi kedua2 hadiah—Piala Hales dan Piala Dusty Miller—dalam lumba perahu layar antara pelabohan2 yang telah berlangsung di Sungai Belait dari 27 hingga 29 Mach lepas.

Pasokan Jesselton yang mengandungi empat jurumudi dan empat kelasi telah menewaskan Klub Perahu Layar Diraja Brunei, Klub Perahu Layar Miri/Belait dan Klub Perahu Layar Sandakan dalam perlumbaan selama tiga hari, dengan kelebihan mata.

Ahli2 pasokan tersebut—E. G. Cross (jurmudi), S. Cross (kelasi), R.A.W. Wilson dan isteri-

nya J.D. Boles dan isteri-nya, D.F. Baron dan N. Hanningan telah tertinggal di-belakang oleh pasokan Brunei dalam lumba pada hari pertama.

Mereka telah mengejar dan berjaya memperoleh beberapa mata pada hari kedua dan akhirnya meningkat mata yang tinggi apabila menewaskan pasokan Miri/Belait pada hari ketiga (29 Mach) untuk merebut piala Hales.

(Pemegang Piala Hales lepas ia-lah Klub Lumba Perahu Sandakan).

Untuk merebut Piala Dusty Miller, pasokan Jesselton dengan N. Hanningan sa-bagai jurumudi, Puan Wilson sa-bagai kelasi; dan S. Cross sa-bagai jurumudi, Puan Boles sa-bagai kelasi telah mengambil tempat yang pertama dan kedua dalam lumba bagi kelas2 pada hari pertama (27 Mach).

(Pemegang Piala Dusty Miller lepas ia-lah Klub Perahu Layar Diraja Brunei).

Lumba ini ada-lah berdasar atas satu pasokan bagi dua buah perahu dari ke-empat2 pasokan yang berlawan untuk merebut Piala Hales.

Untuk merebut Piala Hales, empat buah perahu dari satu pasokan berlawan dengan pasokan yang lain yang mempunyai sama bilangan orang2-nya.

Balek Dari Singapura

BERAKAS. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah kembali ka-Brunei dari Singapura pada petang hari Khamis 26 Mach sa-lepas berchuti di-Malaya dan Singapura.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah diiringi oleh isteri beliau Datin Zubaidah dan sa-orang anak perempuan beliau.

PERLUMBAAN MERENTAS DESA

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Merentas Desa antara murid2 Sekolah2 Melayu Peringkat Sa-Negeri Brunei bagi tahun ini akan di-jalankan pada hari Sabtu 11 April, mulai pada pukul 3 petang, bertempat di-Padang Tongkadeh, Bandar Brunei.

Ranchangan Perpindahan Penduduk2 Kampong Ayer Ka-Darat

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah membuat ranchangan untuk memindahkan orang2 yang tinggal di-Kampong Ayer ka-darat. Berhubung dengan perkara ini, Pejabat Perpindahan Brunei telah menerima sebanyak 563 permohonan dari penduduk2 Kampong Ayer yang berhajat hendak berpindah ka-darat.

Sa-telah Jawatan Kuasa Perpindahan menyimak dan memilah permohonan2 tersebut, sebanyak 51 permohonan telah dipersetujui pada kali ini.

Tiap2 pemohon yang di-perse-tujui itu telah di-berikan tanah sa-luas sa-tengah ekar tanah untuk tapak rumah masing2.

Sa-lain dari itu tiap2 pemohon tersebut akan juga di-berikan sa-luas empat ekar tanah yang berisi pohon2 getah.

Chabutan undi kerana menetapkan tapak tanah rumah tiap2 pemohon yang berkenaan itu telah di-langsungkan di-Ibu Pejabat Kerja Raya Brunei dan di-saksikan oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Perpindahan.

Sa-baik sahaja selesai di-adakan chabutan undi itu, pemohon2 tersebut telah di-bawa ka-kawasan perpindahan di-Berakas di-mana Pemangku Pegawai Perpindahan Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari Haji Awang Mohamed Taha bin Bakir telah menunjukkan tapak tanah rumah kepada pemohon2 yang berkenaan itu.



Alangkah gembira-nya lima orang Pengakap2 Maktab S.O.A.S. ini. Mereka bergembira kerana mereka telah berjaya memperoleh gelaran sebagai "Pengakap2 Baginda Queen". Gambar ini di-ambil sa-lepas Pengakap2 tersebut menerima Sijil2 dan Lenchana2 "Pengakap Baginda Queen" di-Majlis Perjumpaan Pengakap2 dari seluruh Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.



Gambar ramai sembilan daripada sabelas orang Pegawai2 Baharu Brunei Sports Club. Dudok di-tengah ia-lah Yang Dipertua persatuan itu, Awang Wong Kah Loong.

PEGAWAI2 BAHARU BRUNEI SPORTS CLUB

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Baharu Brunei Sports Club yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong Ulang Tahun-nya pada hari Abad 15 Mach, 1964 ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Awang Wong Kah Loong. Naib Yang Dipertua — Yang Berhormat Awang Hamid bin Awang Damit. Setia Usaha Kehormat — Awang P. Raja. Penyimpan Wang Kehormat — Awang

Johnny Quek. Pemeriksa Kira2 — Awang Tan Poh Hiong. Setia Usaha Sokan — Awang Weston Keasberry. Setia Usaha Sosial — Awang Sim Song Juay. Setia Usaha Minuman — Awang Nicholas Chung.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Awang Ali Khan bin Abdul Khan dan Awang David Chen.

5 ORANG LAGI PENGAKAP2 DAPAT GELARAN "PENGAKAP2 BAGINDA QUEEN"

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird yang telah di-lantek baharu2 ini menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei telah hadhir di-satu temasa Perjumpaan Pengakap2 dari seluruh Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang P.A. Coates telah memimpin majlis tersebut.

Yang Terutama Awang E.O. Laird telah menyampaikan Sijil2 dan Lenchana2 di-majlis itu kepada lima orang Pengakap2 dari Pasokan Pengakap Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang telah lulus dalam ujian2 untuk menyandang gelaran sa-bagai "Pengakap2 Baginda Queen".

Pengakap2 tersebut ia-lah Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Metussin, Awang Ahmad bin Mohamed Noor, Awang Mohamed Noah bin Abdul Hamid Awang Mohamed Taib bin Othman dan Awang Mohamed Ja'afar bin Abdul Aziz. Ketua Pengakap Negeri Brunei telah juga menyampaikan Sijil2 dan Lenchana2 kepada 6 orang Pengakap2 dari Brunei yang telah mewakili negeri ini di-Perkhemahan Pengakap2 Sa'uroh Dunia Kali yang ka-11 yang telah di-adakan di-Negeri Greece da'am bulan Ogos 1963.

Pengakap2 itu ia-lah Awang Lim Pang Kit Awang Mohamed Yassin bin Awang Sa'id, Awang Michael Chee, Awang Teo Kwan Eng, Awang Hussain bin Haji Sulaiman dan Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad.

Sa-lain dari itu, Ketua Pengakap Negeri Brunei telah menyampaikan Surat2 Tauliah dan Sijil2 Lantekan kepada ramai Pegawai2 dan Guru2 Pengakap yang baharu.